

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN
MOHD HARUN NARRASHID
[KOTA TINGGI - BN]**

SOALAN (NO. 111)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah jumlah persatuan belia yang berdaftar dengan kementerian dan berapakah jumlah peruntukan yang di salurkan kepada persatuan-persatuan belia ini sepanjang tahun 2015 sehingga sekarang.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah bilangan persatuan belia yang berdaftar di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sehingga 10 Oktober 2016 adalah sebanyak 10,450 buah pertubuhan belia. Manakala jumlah peruntukan yang disalurkan kepada persatuan-persatuan belia sepanjang tahun 2015 hingga September 2016 adalah sebanyak RM49,999,664.00.

Sekian, terima kasih.